


BULETIN USR 2022 | ISU 1

# APA HABA Q HANGPA?



اَلْمَدِينَةُ الْمَوْجِدَةُ  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
13500 Permatang Pauh  
Pulau Pinang

# FUN-TASTIC

## SCHOOL BREAK

oleh Nurhayati binti Hassan

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menjalankan satu program “Fun-Tastic School Break” sempena cuti persekolahan akhir tahun 2022. Program ini melibatkan penyertaan anak-anak staf UiTM Cawangan Pulau Pinang dan komuniti sekitar kampus Bertam.

Program ini telah dijalankan pada 16 Disember 2022 di ruang *Learning Community Engagement* PTAR UiTM CPP Kampus Bertam. Seramai 87 anak-anak staf dan anak-anak komuniti sekitar yang berusia dari 4 hingga 12 tahun. Pelaksanaan program ini melibatkan gandingan kerjasama staf PTAR Bertam dan beberapa pelajar-pelajar Fakulti Farmasi dan Fakulti Sains Kesihatan program Fisioterapi yang bertindak sebagai fasilitator.

Matlamat utama program *Fun-Tastic School Break* ini adalah bagi mendedahkan suasana persekitaran Perpustakaan disamping memenuhi hari cuti mereka dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat serta berinformasi. Program ini juga dapat membina kecerdasan minda dan merangsang perkembangan otak mereka di luar bilik darjah. Anak-anak ini didedahkan tentang kepentingan membaca dan memperkukuh kemahiran maklumat secara santai menggunakan kaedah pembelajaran yang menarik. Anak-anak juga dilatih berinteraksi dan bekerjasama dalam menjayakan satu-satu aktiviti.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah senamria, *Math is Fun*, *Reading is Fun*, kenali ABC, origami, kraf anyaman, bercerita kisah rama-rama dan juga didedahkan tentang kitaran hidup rama-rama.



*Fun-Tastic School Break* turut menyelitkan segmen selingan iaitu membaca berita, di mana empat kanak-kanak telah dipilih untuk menyampaikan berita mengenai program ini. Anak-anak berusia 9 – 12 tahun juga diberi pendedahan tentang haid dan akil baligh oleh Ustazah Masliyana Ismail, Ketua Unit Pusat Islam UiTM Cawangan Pulau Pinang. Adalah diharapkan pada akhir program ini para pelajar akan

dapat mengisi masa lapang murid dengan aktiviti berfaedah, menggerakkan program galakan membaca. memupuk minat membaca secara berterusan. (khususnya semasa waktu cuti dan juga sepanjang hayat), mencungkil bakat dalam kalangan murid dan menjadikan PSS sebagai tempat rujukan bahan bacaan dan memperkukuhkan kemahiran maklumat dalam kalangan murid. *Fun-Tastic School Break* ini merupakan program yang

mengimbangi aktiviti bermain, membaca dan belajar secara santai. Program seperti ini akan diteruskan dan menjadi aktiviti yang ditunggu-tunggu oleh para staf dan mahasiswa kerana kepelbagaian aktiviti kesukarelawanan boleh dilakukan bersama anak-anak semasa cuti persekolahan.

**Membina kecerdasan minda dan merangsang perkembangan otak.**

